



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/59 Jld.5 (16)  
Tarikh : 14 Julai 2015

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17 KE GRED N22 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan pemangkuan bagi jawatan berkenaan. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) [PT(P/O)] Gred N17 layak dipertimbangkan pemangkuan ke Gred N22 apabila memenuhi syarat-syarat berikut:-

- 2.1 **Disahkan dalam perkhidmatan;**
- 2.2 Dilantik sebagai PT(P/O) Gred N17 **sebelum atau pada 31 Disember 2004;**
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2012, 2013 dan 2014) **tidak kurang 80%;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;

- 2.8 **Tidak hilang kekananan** yang boleh menyebabkan tarikh lantikan tetap sebagai PT(P/O) Gred N17 berubah ke tarikh 01 Januari 2005 dan seterusnya disebabkan faktor-faktor berikut:
- i. Pelanjutan tempoh percubaan dengan denda;
  - ii. Cuti separuh gaji; dan
  - iii. Cuti tanpa gaji.
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dilengkapi dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** serta disertakan bersama dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti di bawah:

- 3.1 Satu (1) salinan **Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemas kini;**
- 3.2 Satu (1) salinan **Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terkini (2012, 2013 dan 2014);** dan
- 3.3 Satu (1) salinan **Laporan Tapisan Keutuhan SPRM terkini.**

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 18 Ogos 2015** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p.: Puan Norziah binti Tajuddin)

5. Diingatkan juga bahawa adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2** sahaja dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat.** Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses.**

6. Seperti yang pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, urusan pengisian jawatan ini akan melibatkan **penempatan semula di seluruh negara.** Sehubungan dengan itu, calon-calon yang **tidak bersedia untuk penempatan semula di seluruh negara** dan telah cukup syarat tempoh perkhidmatan tiga belas (13) tahun serta bakal memohon **kenaikan pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK), tidak perlu memohon** untuk urusan pemangkuan ini. Selain daripada itu, **calon simpanan** yang diperakukakan dalam **Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Kumpulan Pelaksana (Gred 18-26) Bilangan 2 Tahun 2015** yang bersidang pada **25 Jun 2015** juga **tidak perlu memohon** kerana tempoh sah laku sebagai calon simpanan masih belum tamat.

7. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Encik Zainil Abadin Bin Hasan - 03-8885 4943  
zainil.hasan@jpa.gov.my
- ii. Encik Amirul Bin Abdullah - 03-8885 4129  
amirul.abdullah@jpa.gov.my

8. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(NORZIATULSHIMA BINTI TAJUDDIN)**

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA**

☎ : 03-8885 4110

✉ : shima.tajuddin@jpa.gov.my

**PERTIMBANGAN PEMANGKUAN  
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN  
MAKLUMAT PERKHIDMATAN PEGAWAI**

**SKIM** : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**  
**GREED HAKIKI** : **N17**

Nama Penuh : _____
No. Kad Pengenalan : (Lama) _____ (Baru) _____
Gelaran Jawatan : _____
Ketua Perkhidmatan : _____  Tarikh lantikan perkhidmatan sekarang : _____  Tarikh disahkan dalam perkhidmatan : _____  Dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda : _____ hingga _____ (Jika berkenaan)
<u>Maklumat Tempat Bertugas</u>  Bahagian : _____  Jabatan : _____  Kementerian : _____
No. Telefon : (Pejabat) : _____ (Bimbit) : _____ No. Faksimili : _____ E-mel : _____
Markah LNPT Terkini : 2012 <input type="text"/> 2013 <input type="text"/> 2014 <input type="text"/>

Nama Pegawai : \_\_\_\_\_  
No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Cuti Tanpa Gaji / Cuti Separuh Gaji

- Tiada
- Ada  
Tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

Lantikan ke jawatan dalam Skim Perkhidmatan yang lain / terdahulu

- Tiada
- Ada  
Skim Perkhidmatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

Tindakan Tatatertib

- Tiada
- Ada  
Jenis Hukuman : \_\_\_\_\_  
Tarikh Hukuman : \_\_\_\_\_

Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

- Lulus pada \_\_\_\_\_
- Menunggu laporan SPRM
- Gagal

Pengisytiharan Harta

- Telah isytihar pada \_\_\_\_\_
- Belum isytihar

Nama Pegawai : .....

No. Kad Pengenalan : .....

**PENGESAHAN PEGAWAI YANG MEMOHON**

Saya **bersetuju** untuk **ditempatkan semula di mana-mana Kementerian/Jabatan/Agensi seluruh negara** sekiranya saya **berjaya** dalam urusan pemangkuan ini. Sebarang **penolakan terhadap penempatan** yang dilakukan oleh JPA adalah dianggap secara tidak langsung telah **menolak pemangkuan** dan boleh dikenakan **penalti** selaras dengan ketetapan di dalam perenggan 36, Lampiran kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 (Panduan Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam).

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**PENGESAHAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

Saya mengesahkan bahawa maklumat dan kenyataan yang diberikan adalah benar dan sah. Saya juga bersetuju untuk dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat apa-apa maklumat atau kenyataan yang tidak benar dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Cop Jabatan : \_\_\_\_\_

**PERTIMBANGAN PEMANGKUAN  
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

**PERAKUAN KETUA JABATAN**

Saya \* **memperakukan / tidak memperakukan**

\_\_\_\_\_

(nama)

\_\_\_\_\_

(no. kad pengenalan)

\_\_\_\_\_

(jawatan)

untuk dipertimbangkan dalam pelaksanaan urusan  
Pemangkuan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 ke Gred N22  
Perkhidmatan Gunasama Persekutuan

**ULASAN KESELURUHAN**

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Cop Jabatan :

## LAMPIRAN C

Kepada :

Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan

\_\_\_\_\_

### SURAT AKUAN PINJAMAN PENDIDIKAN

Saya \_\_\_\_\_ No.  
K/P \_\_\_\_\_ mengesahkan bahawa :

Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / tabung pendidikan.

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada \_\_\_\_\_ mulai  
tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_ sebanyak  
RM \_\_\_\_\_ dan saya masih belum membuat sebarang bayaran.

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada \_\_\_\_\_ mulai  
tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_ sebanyak  
RM \_\_\_\_\_ dan pada masa ini sedang membuat  
pembayaran secara bulanan melalui pembayaran tunai / potongan gaji  
mulai \_\_\_\_\_.

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada \_\_\_\_\_ mulai  
tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_ sebanyak  
RM \_\_\_\_\_ dan saya telah pun menyelesaikan sepenuhnya  
pinjaman pada \_\_\_\_\_.

### PERAKUAN

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4 (f) dan Peraturan 4 (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

\_\_\_\_\_

Tandatangan Pegawai

Nama : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Alamat Jabatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_